

14/02/1998

Malaysia berminat contohi usaha Lebanon

Azmi Md Deros

MALAYSIA berminat mencontohi usaha Lebanon memperkenalkan `Bulan Pasaran' di negara itu yang mampu meningkatkan penggunaan barangan tempatan dan kemasukan pelancong asing, sekali gus mengukuhkan kedudukan ekonomi negaranya.

Melalui Bulan Pasaran yang diadakan setiap Februari, semua peniaga barangan dan perkhidmatan menawarkan potongan harga antara 10 dan 50 peratus di sepanjang bulan berkenaan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata melalui pelaksanaan Bulan Pasaran, Lebanon mendapat pulangan besar kerana pekilang menambah pengeluaran, manakala kemasukan pelancong asing semakin meningkat untuk membeli barangan yang murah harganya.

"Perkara itu diberitahu oleh Perdana Menteri Lebanon, Rafiq Hariri dalam perbincangan perdagangan dua hala dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika lawatannya ke negara ini."

"Saya diminta mengkaji mekanisme program itu supaya jika sesuai boleh dilaksanakan di negara ini," katanya selepas Merasmikan Program Desa Wawasan di Kampung Talang Hilir, Kuala Kangsar, petang kelmarin.

Rafidah berkata, program itu unik kerana Lebanon adalah negara pertama di dunia melaksanakannya. Beliau akan melihat perjalanan Bulan Pasaran ketika lawatannya ke Lebanon, Iran dan Turki mulai Sabtu depan.

Selain itu, katanya, lawatan itu juga bertujuan mempromosi barangan Malaysia supaya boleh dieksport ke ketiga-tiga negara terbabit selain mempelawa mereka melabur di Malaysia.

"Lebanon mempunyai potensi besar sebagai pintu masuk barangan kita ke rantau itu," katanya.

Menurutnya, usahawan Malaysia tidak perlu bimbang melabur di Lebanon kerana kedua-dua negara sudah menandatangani perjanjian jaminan pelaburan.

Sementara itu, katanya, ketika dalam perbincangan dengan Menteri Perindustrian yang juga Pengerusi Lembaga Pelaburan Umum Yaman, Ahmed Sofan, kelmarin, negara itu turut mempelawa usahawan Malaysia melabur di Zon Perdagangan Bebas (FTZ) yang baru diwujudkan di Pelabuhan Eden.

"Antara bidang yang boleh diceburi ialah sektor berintensif buruh seperti kilang pakaian kerana negara terbabit masih di fasa pertama program perindustrian selain ramai tenaga kerja."

"Dari segi pasaran, Yaman juga adalah peluang yang baik kerana mempunyai 14 juta penduduk," katanya.

Menurutnya, Malaysia sedia membantu Yaman memperkenalkan produknya dan peluang pelaburan yang ada kepada usahawan negara ini melalui acara kebudayaan dan seminar perniagaan di Kuala Lumpur.

Selain itu, Rafidah berkata, Ahmed turut mempelawa syarikat Malaysia melabur dalam industri logam di Yaman kerana negara itu mengeluarkan banyak logam yang bernilai komersil.

(END)